

BAGAIMANA HENDAK MENGHAPUSKAN KEJAHILAN ORANG-ORANG KITA

Dalam “Qalam” bilangan yang lalu, kita telah menyebarkan makalah Dato’ Megat Usman bertajuk: “Ikhtiar-ikhtiar bagi memulihkan kehidupan bangsa kita Melayu” dan makalahnya yang kita hidangkan di bawah ini adalah menjadi penutupnya – P.Q.

(oleh Dato’ Megat Usman, Perak)

(1) Pelajaran Agama:

Pada fikiran penulis jalan bagi menghapuskan kejahilan orang-orang Melayu itu demikian: pada masa ini telah sedia ada beberapa sekolah-sekolah agama yang bertaburan merata-rata pekan dan kampung di seluruh Tanah Melayu ini. Setengah daripadanya dipunyai dan ditanggung oleh kerajaan dan setengahnya pula sekolah-sekolah rakyat. Banyak daripada sekolah-sekolah itu telah terdiri selama 30 tahun atau lebih, yang lain pula baharu sahaja dibuka di dalam beberapa tahun yang lalu ini. Maka daripada apa yang boleh kita lihat sekarang dengan memenungkan kepada budi pekerti orang-orang Melayu dan laku perangai mereka sehari-hari, bolehlah kita katakan bahawa yang dikatakan sekolah-sekolah agama itu ialah sekolah-sekolah agama pada namanya sahaja dan tidak ia menepati makna dan kemahuan pada hakikatnya. Maka hakikat agama yang sebenar-benarnya yang patut sekolah-sekolah agama itu menyempurnakannya ialah menanam benih atau semangat Islam yang sejati lagi bersih ke dalam dada tiap-tiap kanak-kanak lelaki dan perempuan yang belajar didalamnya. Manakala telah hidup semangat Islam yang sejati itu didalam dada anak-anak kita, maka senang sahajalah mengembangkan Islam itu bersetuju dan sesuai dengan perjalanan hidup manusia di dunia ini, dan agama Islam hanya menyuruh menyembah Tuhan yang satu dan ia menyuruh kita berbuat baik kepada sekalian makhluk Tuhan, adapun orang Islam yang sebenarnya beriman dan taat kepada Tuhannya memang memegang agamanya itu sebagai penyuluh bagi perjalanan

hidupnya di dalam dunia ini sehingga tidak terlintas di hatinya hendak mengerjakan sebarang pekerjaan yang menyalahi pada agama Islam dengan mengikut contoh perjalanan Rasulullah. Tetapi apakah yang kita dapati sekarang di seluruh semenanjung ini?? Berapa banyak orang-orang Islam kita tiada sembahyang dan tiada berpuasa, tempat-tempat menari, (*dancing*), tempat-tempat joget, tempat-tempat lumba kuda, wayang-wayang gambar, taman-taman hiburan semuanya penuh sesak dengan orang-orang Islam, dan orang-orang Islam tiada lagi berasa malu dan segan meminum arak, berjudi dan berzina dan mengerjakan bermacam-macam lain lagi yang memang ditegah benar oleh agama Islam.

Yang patut kita keraskan sekarang ialah sekolah-sekolah agama patut mengajar agama dengan jalan yang lebih munasabah yakni bukannya mengajar untuk kebahagiaan di akhirat semata-mata melainkan hendaklah diutamakan mengajar segala pelajaran dan pengetahuan yang memberi faedah di dalam pergaulan hidup kita di dunia ini, seumpama alam iktisad. Pertukangan dan lain-lain pengetahuan lagi. Pada fikiran saya yang terlebih senang bagi menghasilkan segala tujuan-tujuan yang tersebut ialah dengan mengajar isi Quran dan hadis itu terlebih dahulu di dalam bahasa Melayu dengan bahasa Arab, dan janganlah di dalam bahasa Arab sahaja seperti yang telah diperbuat di Malaya ini, jika sekiranya dijalankan seperti itu, saya percayai orang-orang Melayu akan beransur-ansur maju dan cukup layak bagi bertanding dengan bangsa-bangsa yang lain – di dalam suatu Malaya yang berkerajaan sendiri yang harus zahir

di dalam masa yang tiada berapa lama lagi.


(2) Pelajaran Keduniaan

Hendaklah diadakan dengan seberapa segera suatu rancangan untuk memberi pelajaran tinggi dan latihannya yang berguna kepada anak-anak Melayu lelaki dan perempuan di dalam alam teknik, alam sains, alam perusahaan, alam tanam-tanaman dan alam perniagaan. Iaitu dengan menghantarkan anak-anak Melayu yang berkecukupan ke negeri-negeri lain seumpama Eropah, Amerika, Jepun, India dan lain-lain negeri asing kerana menuntut segala jenis alam itu. Orang muda-muda lelaki dan perempuan yang mendapat pelajaran-pelajaran yang tersebut itulah yang akan menjadi pemimpin-pemimpin Melayu dalam masa yang akan datang kelak. Maka pelajaran yang lain-lain pun termasuklah di dalam rancangan itu, seperti alam siasah, alam ubat-ubatan, alam *engineer*, alam undang-undang, alam membuat bangunan, alam elektrik, alam iktisad, alam kewangan dan lain-lain lagi.

(3) Kemajuan tanam-tanaman, lombong, iktisad,


perusahaan dan perniagaan

Di dalam tanah Melayu ini terlalulah luas peluang untuk membuat kerja bagi memajukan segala jenis perusahaan seperti yang tersebut di atas itu. Pada dewasa ini boleh dikatakan kesemuanya sekali pekerjaan itu di dalam pegangan bangsa-bangsa lain, melainkan hanya pekerjaan bersawah padi sahaja ada tertinggal lagi pada tangan orang-orang Melayu. Maka sebabnya ialah kerana pekerjaan yang mendatangkan untung yang banyak pada hal bangsa-bangsa lain itu memandang kepada pekerjaan yang mendatangkan kekayaan besar dan pekerjaan yang lebih senang dan mudah daripada bertanam padi itu, mengapa orang-orang Melayu tidak mahu berusaha membuka lombong-lombong atau kilang-kilang papan, kilang getah, kilang beras, atau kilang membuat *lemonade* umpamanya dan berjenis-jenis lagi perusahaan yang lain-lain mendatangkan keuntungan dan kekayaan besar kepada bangsa-bangsa lain itu?



Murid-murid "*Nazhat al-Şabyān*" bergambar bersama gurunya ustādh Muḥammad al-Rāqī setelah mengadakan iḥtīfāl

madrasahnyanya di lorong Melayu Singapura baharu-baharu ini.



Suatu pemandangan dalam perjumpaan UMNO Kilang Singapura.

*

Sekarang telah ada alamat yang terang yang menunjukkan kerajaan Tanah Melayu ini sedia hendak membantu orang-orang Melayu supaya sama tinggi taraf dengan bangsa-bangsa lain di tanah Melayu ini pada pihak iktisadnya. Dengan sebab ini kita orang-orang Melayu ada harapan boleh mendapat nasihat dan panduan yang cukup sempurna pada memajukan satu-satu jenis perusahaan lamun kita orang-orang Melayu sendiri mengadakan modal bagi memulai sesuatu perusahaan dengan bersungguh-sungguh.

Bagaimana Hendak Mendapat Modal

Bagi menghasilkan tujuan yang terkandung di dalam fasal (1) dan (2) di atas itu, barangkali tidaklah payah kerana ada pada sisi kaum Melayu modalnya yang dikehendaki, hanyalah kita mesti tahu mana tempatnya sahaja: iaitu majlis mesyuarat agama di dalam tiap-tiap buah negeri Melayu semenanjung ini. Majlis itulah yang memungut beberapa banyak wang zakat dan fitrah tiap-tiap tahun daripada orang-orang Islam. Kita telah disebutkan di atas tadi fasal ajaran

agama Islam yang maha suci yang menyuruh kita menuntut ilmu pengetahuan. Kita ketahui daripada ajaran agama Islam itu bahawa ilmu yang terlebih mustahak bagi sekalian manusia, dan kepentingan kita umat Melayu seperti yang kita dapati sekarang ini ialah disebabkan oleh ketiadaan ilmu pengetahuan pada sisi kebanyakan umat kita. Dengan sebab itu bukankah patut kita gunakan sebahagian daripada wang zakat dan fitrah itu untuk memahukan masalah orang-orang Melayu dan mengelokkan taraf hidup orang-orang Melayu, kerana wang itu dipungut daripada mereka itu sendiri?

Sungguhpun ayat Quran yang berkenaan dengan zakat itu menyebut hanya delapan jenis sahaja tempat yang patut dibelanjakan wang zakat itu (iaitu kepada orang-orang fakir, orang-orang miskin, 'amil, muallaf, bagi menebus orang-orang yang tertawan oleh musuh, orang-orang yang tenggelam di dalam hutang, membelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir) akan tetapi tiadalah tersebut di mana-mana di dalam al-Quran atau mana-mana kitab lain mengatakan pada tempat-tempat sesuatu jenis itu mesti

dibelanjakan seperlapan daripada jumlah wang zakat dan fitrah itu. Oleh yang demikian nyatalah pada kita bahawa kemudian daripada kita telah menunaikan segala jenis perbelanjaan yang disebutkan di dalam al-Quran itu, haruslah kita membelanjakan baki wang itu untuk kebajikan dan kemajuan am umat Islam yang daripadanya dipungut wang zakat dan fitrah itu.

Mengikut fahaman orang-orang awam adalah wang zakat fitrah itu haru dan hendaklah dibelanjakan untuk menghasilkan cadangan-cadangan seperti yang tersebut di dalam fasal (3) di atas tadi. Segala cadangan-cadangan yang tersebut itu jika telah dimulai dengan pimpinan dan nasihat daripada orang-orang yang ahli di dalam perkara-perkara itu, boleh menjadi pusat tempat-tempat berlatih yang elok bagi orang-orang Melayu di dalam segala jenis pekerjaan itu dan di situlah mereka akan mendapat pengetahuan yang berguna dan pengalaman yang mahir dengan bekerja dalam tempat-tempat itu. Maka nyatalah mereka itu termasuk di dalam makna hadis nombor (6) yang disebut pada bilangan yang lalu iaitu: Mereka yang keluar dari rumahnya dengan maksud hendak mencari ilmu.

Saya berani berkata lagi bahawa dengan sebab saya ketahui adalah Rasulullah sendiri tersangat mengambil berat di atas hal kebajikan bukan bagi umatnya sahaja seperti yang ditunjuk tauladannya di dalam perjalanan hidupnya di dunia ini. Melainkan kebajikan bagi sekalian jenis manusia, bahawa jika sekiranya Rasul Allah itu ada hidup lagi pada hari ini di antara umatnya orang-orang Melayu kita ini, saya tidak syak lagi barang sedikit jua pun yang ia akan mempersetujui dengan sepenuh-penuhnya akan segala syor-syor saya di dalam makalah yang ringkas ini.

Segala syor-syor dan rancangan yang saya sebutkan ini hanyalah rangka-rangka kasar sahaja yang patut dijalankan dengan segera di dalam tiap-tiap negeri Melayu bagi masalah dan

keselamatan umat Melayu. Barangkali yang terlebih baik ialah dipanggil suatu mesyuarat ramai di antara orang-orang Melayu am dalam tiap-tiap buah negeri dan dibentuk sebuah jawatankuasa daripada orang-orang yang berkecualan bagi menyelenggarakan pekerjaan itu dan tentunya dengan nama kaum Melayu daripada majlis mesyuarat agama di dalam negeri masing-masing supaya, diuntukkan dengan seberapa segera bahagian daripada kumpulan wang zakat dan fitrah itu bagi menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang disyorkan di dalam makalah ini. Perkara yang seelok-eloknya ini patutlah disegerakan, dan tentang selok belok yang kecil-kecil yang bersangkutan dengan pekerjaan itu tentulah boleh disesuaikan kemudian oleh orang-orang yang layak mengelolaknya.

Ulama itu tiga bahagian

Pertama: Golongan yang membinasakan dirinya dan membinasakan orang ramai. Golongan ini ialah yang bekerja kerana kesenangan dan kemewahan dunia.

Kedua: Golongan yang membawa bahagia kepada dirinya dan orang lain. Golongan ini ialah yang menyeru kepada Allah zahir batin.

Ketiga: Golongan yang membinasakan dirinya dan membahagiakan orang lain, iaitulah golongan yang menyeru kepada akhirat dan menolak kemewahan dunia pada zahirnya, tetapi pada batinnya mereka bekerja kerana pangkat dan kesenangan dirinya.

Maka periksalah dari golongan manakah diri tuan?

-Kata al-Ghazālī di dalam al-Ihyā'